



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

BELANJA UNTUK RAKYAT : BUAT PERTAMA KALI KERJA PENURAPAN JALAN DILAKSANAKAN SECARA MENYELURUH DI SEMUA 51 PA DAN PPR SELIAAN DBKL DI KUALA LUMPUR

16 MAC 2026

1. Kerajaan MADANI melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus komited memastikan kebajikan warga Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sentiasa terpelihara.
2. Tahun ini, RM300 juta diperuntukkan khusus bagi kerja-kerja penyelenggaraan PA dan PPR termasuk kerja penurapan jalan. Kerja penurapan jalan akan dilaksanakan di kesemua 51 lokasi PA/PPR seliaan DBKL yang melibatkan 11 kawasan Parlimen di Kuala Lumpur.
3. Inisiatif ini mencatat sejarah tersendiri apabila buat pertama kalinya jalan di kawasan PA/PPR diturap secara menyeluruh melalui pelaksanaan berskala besar oleh DBKL.
4. Bagi suku pertama 2026, kerja penurapan jalan telah siap dilaksanakan di sebanyak 7 lokasi iaitu:
 - PPR Beringin
 - PPR Wahyu
 - PPR Gombak Setia
 - PPR Hiliran Ampang
 - PPR Air Panas
 - PA Hang Tuah
 - PA Seri Perlis 1
5. Manakala dua lokasi lagi sedang dalam pelaksanaan iaitu PPR Sungai Bonus dan PPR Seri Malaysia.
6. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dan DBKL untuk memastikan warga PA dan PPR dapat menikmati persekitaran kediaman yang lebih selamat, selesa dan berkualiti selaras dengan aspirasi meningkatkan kesejahteraan hidup warga Kuala Lumpur.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

